

**SOALAN NO 4 JAWAB BERSEKALI NO : 18**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : 1. YB DATUK SERI DR ADHAM BIN BABA  
[TENGGARA, JOHOR]**

**2. TUAN MOHD SHAHAR BIN ABDULLAH  
[PAYA BESAR, PAHANG]**

**TARIKH : 16 JULAI 2019 (SELASA)**

**1. SOALAN NO. 4**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan berkaitan dengan penubuhan *Youth Power Club* dengan dasar menyalurkan bantuan, adakah telah didaftarkan atau ianya berperlembagaan (Akta 668) memandangkan kedapatan unsur yang dipolitikkan sekiranya ada.

**2. SOALAN NO. 18**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan:

- (a) apakah perincian dana kewangan yang telah dan akan disalurkan oleh Kementerian serta konsep pengurusan serta pentadbiran *Youth Power Club* (YPC) yang telah dilancarkan; dan
- (b) apakah perincian dana kewangan yang telah dan akan diterima Majlis Belia Malaysia (MBM) dari tahun 2015 hingga 2019.

## SOALAN NO 4 JAWAB BERSEKALI NO : 18

### JAWAPAN

Yang di-Pertua,

- (a) Izinkan saya menjawab soalan daripada **YB Tenggara** secara bersekali dengan soalan daripada **YB Paya Besar** bernombor 18 memandangkan soalan-soalan yang dikemukakan adalah berkenaan perkara yang sama.
- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, *Youth Power Club* (YPC) masih dalam proses penubuhan di seluruh negara. YPC adalah bertaraf Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan tertakluk di bawah Akta 668 serta perlu berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan Belia.
- (c) Sebagai pertubuhan belia, YPC boleh memohon bantuan aktiviti daripada Kementerian Belia dan Sukan tertakluk kepada Garis Panduan Pengurusan Pemberian Bantuan kepada Pertubuhan Bukan Kerajaan Jabatan Belia dan Sukan Negara, KBS (Pindaan 2013) sedia ada.
- (d) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Paya Besar, dana yang telah diterima oleh Majlis Belia Malaysia (MBM) bagi tempoh 2015–2019 adalah dana bantuan pentadbiran dan bantuan aktiviti berjumlah RM44,982,900 juta. Pada masa yang sama, dalam tempoh masa setahun yang lepas sehingga ke tarikh hari ini, Kerajaan melalui KBS telah pun membelanjakan sebanyak RM33.6 juta melalui kumpulan wang amanah sukan dan tabung persatuan yang disalurkan kepada individu, kumpulan dan NGO untuk menggerakkan program belia atau sukan yang berkait rapat dengan kawasan setempat, peringkat negeri atau di peringkat nasional.

Sekian, terima kasih.